Proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di SJK(C) Mun Choong tiada perbezaan antara pelajar Cina dengan bukan Cina. Ini kerana, kesemua pelajar disatukan dalam bilik darjah yang sama dan dipecahkan mengikut darjah masing-masing berdasarkan umur seseorang. Terdapat enam peringkat darjah di SJK(C) Mun Choong iaitu darjah 1 (7 tahun), darjah 2 (8 tahun), darjah 3 (9 tahun), darjah 4 (10 tahun), darjah 5 (11 tahun), dan darjah 6 (12 tahun). Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah lebih berkesan, bilangan pelajar dalam satu-satu kelas dihadkan antara 20 hingga 37 pelajar sahaja (purata 29 pelajar).

Pembelajaran bahasa Cina di SJK(C) Mun Choong dipecahkan kepada dua tahap iaitu tahap satu (darjah satu–tiga) dan tahap dua (darjah empat–enam). Kedua-dua tahap ini mempunyai masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina yang berbeza. Tahap pertama masa diperuntukkan adalah 360 minit (12 waktu seminggu), manakala 300 minit (10 waktu seminggu) bagi tahap berikutnya. Pembelajaran bertahap ini bertujuan memberi peluang kepada semua murid menguasai kemahiran berbahasa yang diterapkan mengikut minat dan kebolehan seseorang.

Bahasa Cina merupakan bahasa ketersingan (*Isolating language*) yang mana mempunyai ciri keistimewaan tersendiri. Antaranya struktur pembentukan kata dasar (atau kata akar) tidak dapat diubah dengan menambah imbuhan dan susunan kosa kata menunjukkan perhubungan tatabahasa (Wang Li, rujuk kepada Feng Chuntian, Liang Yan & Yang Shumin, 1995, p.215). Manakala bahasa Melayu pula merupakan bahasa aglutinatif yang bermaksud. Makna kata dasar dapat diubah dengan menambah imbuhan tertentu dan kata dasar terdiri daripada kata kerja (Khairul Faezi Mohd Said, 2017, p.2). Selain penambahan imbuhan tertentu, perhubungan tatabahasa dan struktur pembentukan kosa kata boleh dibentuk menggunakan komponen bahasa.

Tulisan merupakan hasil perkembangan bahasa, ekonomi dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Tulisan bahasa Cina berbentuk ideograf dikenali sebagai aksara Cina yang mana dibentuk oleh strok dan radikal. Setiap aksara dalam bahasa Cina mengandungi satu bentuk, satu makna dan satu sebutan. Sebutan aksara Cina tidak dapat dicerminkan secara terus daripada bentuk tulisannya. Sebelum abad ke-20, sistem tulisan bahasa Melayu dalam bentuk jawi yang disesuaikan daripada huruf Arab. Tranfomasi tulisan Melayu mula berubah selepas abad ke-20 kepada bentuk alfabet Latin (atau abjad Rumi) dari kata Romawi.

Setiap perkataan dalam bahasa Melayu dibentuk oleh suku kata yang mempunyai makna dan sebutan ejaan. Sementara sebutan bahasa Cina terdiri daripada komponen konsonan vokal serta nada seperti Gambar rajah 1.1:



Gambar rajah 1.1: Komponen-komponen sebutan bahasa Cina

Dalam sebutan bahasa Cina terdapat 21 konsonan yang dibahagikan kepada tujuh kategori berdasarkan kepada daerah penyebutan manusia. Kategori pertama adalah konsonan bilabial diikuti konsonan labio-dental, konsonan apikal depan, konsonan apikal tengah, konsonan apikal gelungan, konsonan nada lidah depan dan konsonan

velar. Sementara sebutan bahasa Melayu mempunyai 27 konsonan asasi termasuk 19 konsonan asli dan 8 konsonan pinjaman. Selain daripada konsonan tunggal, sebutan konsonan bahasa Melayu terdiri daripada dua jenis konsonan cluster iaitu digraf dan konsonan bergabung. Sebagai contoh digraf seperti /ng/, /kh/, /sy/ dan /ny/, manakala contoh konsonan bergabung /kr/, /st/, /bl/, /dr/ dan /br/.

Sebutan konsonan bahasa Melayu dibahagi kepada tujuh kategori berdasarkan kepada daerah penyebutan manusia iaitu konsonan dua bibir, konsonan gusi, konsonan lelangit lembut, konsonan glotis, konsonan lelangit keras gusi, konsonan lepas gusi dan konsonan lelangit keras. Cara sebutan konsonan bahasa Cina dengan bahasa Melayu berbeza dari segi daerah penyebutan serta teknik penyebutannya. Terdapat lima jenis cara untuk menyebut konsonan bahasa Cina iaitu, letusan (atau plosif), afrikat pelaku, sengau, lateral dan geseran (atau frikatif). Manakala, sebutan konsonan bahasa Melayu lebih rumit daripada sebutan konsonan bahasa Cina. Ini kerana terdapat lapan jenis teknik untuk menyebut konsonan bahasa Melayu iaitu, letusan, hentian, letusan, geseran, getaran, sisian, sengau dan separuh vokal.

Selain itu, terdapat 36 vokal dalam sebutan bahasa Cina antaranya 7 vokal tunggal dan 29 vokal kompleks. Vokal kompleks bahasa Cina dapat dibahagikan kepada 4 kategori berdasarkan kaedah penyebutan iaitu, vokal kompleks buka mulut, vokal kompleks dibentuk dengan [-i], vokal kompleks dibentuk dengan bermula [-u] dan vokal kompleks bermula dengan [-y]. Dari sudut pembentukan sebutan vokal bahasa Cina terdapat lima jenis struktur iaitu V, VV, VK, VVV dan VVK.<sup>1</sup> Manakala, sebutan bahasa Melayu hanya terdapat tiga jenis vokal iaitu vokal tunggal, diftong, dan vokal berganding.

Nada sebutan dalam bahasa Cina dibahagikan kepada empat jenis iaitu *Yinping*, *Yangping*, *Shangsheng*, *Qusheng* (Tang Zuofan, 2001, p.54). Nada bahasa Cina boleh membezakan maksud aksara dengan suku kata yang sama seperti “听” [t’ iŋ<sup>55</sup>] mendengar, “停” [t’ iŋ<sup>35</sup>] berhenti, “挺” [t’ iŋ<sup>214</sup>] keras atau tegak manakala “挺” [t’iŋ<sup>51</sup>] sejenis besi tajam untuk mencucuk kulit binatang. Keempat-empat aksara ini mempunyai suku kata yang sama [t’ + iŋ] (KVK)<sup>2</sup>, namun sebutan nada berlainan. Sementara bahasa Melayu mempunyai intonasi ciri berbeza dengan ciri nada bahasa Cina. Mengikut pandangan Crystal, D. (1986) definisi formal intonasi sebagai pergerakan kelangsingan. Pergerakan kelangsingan atau pergerakan tingkat nada dilabelkan dengan nada satu, dua, tiga dan empat. Nada pertama merujuk kepada nada yang paling rendah, nada 2 adalah nada lazim bagi permulaan sesuatu ujaran, nada 3 merupakan nada tekanan dan nada 4 adalah nada yang paling tinggi.

Peranan yang dimainkan oleh intonasi dalam ujaran terbahagi kepada tiga aspek iaitu aspek linguistik, paralinguistik dan ekstralinguistik. Aspek linguistik merujuk kepada pengorganisasian maklumat ujaran yang mana intonasi dalam aspek ini berperanan sebagai menandai perenggan, ayat, frasa atau rangkai kata. Disamping itu, peranan

<sup>1</sup> V dan K adalah kata singkatan bagi vokal dan konsonan.

<sup>2</sup> K bermaksud konsonan dan V bermaksud vokal, struktur suku kata [t’ + iŋ] adalah KVK.

aspek linguistik juga menjelaskan maklumat yang dikemukakan dalam domain seperti pernyataan, pertanyaan dan sebagai, serta memberikan tekanan kepada konstituen-konstituen yang tertentu dalam domain (Abdullah Hassan, 2006, p.112).

Aspek paralinguistik pula merujuk kepada emosi atau sikap seseorang penutur. Pada kebiasaanya gramatis ayat diujarkan tidak selari maknanya dengan tujuan sebenar yang ingin disampaikan. Apabila berlaku situasi sedemikian aspek pralinguistik dirujuk bagi mengetahui maksud ayat yang ingin disampaikan oleh penutur. Melalui perubahan pada tekanan secara tidak langsung dapat mengubah makna sebuah ayat. Sebagai contoh dalam lafaz ujaran marah, nada dilafazkan lebih tinggi. Sementara situasi sedih manakala nada lafaznya oleh penutur lebih rendah dan perlahan. Ini menunjukkan peranan intonasi emosi dan perasaan seseorang penutur boleh mempengaruhi maksud ayat ingin disampaikan (Abdullah Hassan, 2006, pp.113-114).

Sementara aspek ekstralinguistik merujuk kepada kesan gender, umur, latar belakang dan sebagainya dalam pertuturan. Melalui prosodi<sup>3</sup>, kesemua maklumat ini dapat diperoleh kerana ujuran seseorang individu mempunyai aksen tersendiri. Nada suara semasa bertutur juga membawa semua maklumat, sebagai contoh dari aspek gender, julat suara lelaki atau wanita berbeza, maklumat bangsa boleh dikesan kerana intonsi percakapan yang berlainan. Selain itu, julat usia juga membezakan intonasi, antara intonasi kanak-kanak dengan warga emas atau orang dewasa (Abdullah Hassan, 2006, pp.114-115).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Mengikut kajian Gu Hong Xing (2016) setiap tahun terdapat peningkatan dari segi jumlah murid bukan Cina memasuki Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Walaupun berlaku peningkatan setiap tahun, penguasaan bahasa Cina dan Melayu di kalangan murid bukan Cina masih lagi lemah ekoran dipengaruh oleh bahasa ibunda (Wong Ling Yann & Lim Zu Ying, 2011, pp.112-113). Sejakar dengan permasalahan yang dihadapi, satu kajian memfokuskan kesukaran murid menguasai bahasa Cina dan bahasa Melayu perlu dilakukan dengan segera. Ini kerana kajian Chew Fong Peng (2016), hanya memfokuskan pencapaian bahasa Melayu dan masalah yang dihadapi oleh murid Cina di SJK(C).

Dewasa ini, masih tiada sebarang kajian terhadap perbezaan sebutan konsonan seperti vokal dan nada antara bahasa Cina dengan bahasa Melayu. Kebanyakan kajian-kajian daripada dalam dan luar negara memberi tumpuan kepada gangguan bunyi Melayu

<sup>3</sup> Prosodi atau dikenali sebagai suprasegmental, mempunyai 3 fitur iaitu (1) fitur tekanan, (2) fitur nada, dan (3) fitur kepanjangan (Paitoon M. Chaiyanara, 2006:97-98). Fitur tekanan digunakan untuk menjelaskan sifat neutral yang diujar dengan cara yang lebih menonjol daripada bahagian yang lain dalam sesuatu kata. Fitur tekanan terdapat dalam bahasa Inggeris, manakala bahasa Melayu tidak terdapat fitur tersebut. Fitur nada digunakan untuk menjelaskan bunyi vokal yang mempunyai unsur nada yang dianggap sebagai unsur fonemis dalam bahasa seperti dalam bahasa Cina dan Thai. Fitur kepanjangan digunakan untuk menjelaskan ciri bunyi bahasa yang mempunyai unsur panjang-pendek, sekurang-kurangnya satu mora yang mampu membezakan makna dalam perkataan. Fitur ini terdapat dalam bahasa Arab dan bahasa Thai.

dalam sebutan Arab (Mohd. Azidan bin Abdul Jabar, 2004), perbandingan fonologi bahasa Indonesia dan bahasa Mandarin (Dwi Hadi Mulyaningsih, 2014), sebutan bahasa Melayu oleh penutur Iban (Shahidi A. H. & Shirley Langgau, 2014), pencapaian bahasa Melayu dan masalah yang dihadapi oleh murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Kebangsaan dalam pembelajaran sebutan bahasa Melayu (Chew Fong Peng, 2016) serta perbandingan fonologi bahasa Jepun dan bahasa Mandarin dalam sebutan nombor (Kang Mei Feng, Syahrina binti Ahmad & Jamal Rizal Razali, 2017).

Ironinya murid bukan Cina di SJK(C) dapat bertutur dalam bahasa Cina, namun ayat dan intonasi digunakan kebiasaanya kurang tepat. Penguasaan sebutan konsonan, vokal dan nada yang lemah merupakan faktor utama murid kurang menguasai bahasa Cina dengan baik. Kebiasaan murid menggunakan sebutan bahasa Melayu dalam sebutan bahasa Cina, menjadikan penggunaan bahasa yang salah. Di samping itu, konsonan dan vokal bahasa Cina tidak wujud dalam sebutan bahasa Melayu menimbulkan kesukaran kepada murid bukan Cina untuk menguasai sebutan.

Selain mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, murid juga diwajibkan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa kedua. Jumlah peruntukan masa bagi proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa di SJK(C) tidak sama. Mengikut Kementerian Pendidikan Malaysia, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bahasa Melayu diperuntukkan sebanyak 300 minit (10 waktu seminggu), manakala bahasa Cina 360 minit (12 waktu seminggu) bagi murid tahap 1, di samping itu, bahasa Melayu diperuntukkan sebanyak 270 minit (9 waktu seminggu), manakala bahasa Cina 300 minit (10 waktu seminggu) bagi murid tahap 11. Ini bermakna masa pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina lebih panjang daripada bahasa Melayu. Ketidakseragaman jumlah masa proses pengajaran dan pembelajaran mendatangkan kerisauan dari segi pencapaian murid.

Kefasihan pertuturan bahasa Melayu murid bukan Cina di SJK(C) sedikit merosot berbanding murid Sekolah Kebangsaan. Pendedahan bahasa Cina lebih diutamakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengakibatkan wujud ketidakseimbangan, secara tidak langsung dapat menjelaskan penguasaan murid. Oleh demikian, satu kajian perlu dilakukan bagi mengetahui sama ada wujud pengaruh ketidakseimbangan pembelajaran atau sebaliknya dalam kefasihan murid bertutur bahasa Melayu. Walaupun proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina lebih diutamakan, namun sebahagian murid bukan Cina tidak dapat bertutur bahasa Cina dengan fasih serta betul. Pengaruh sebutan bahasa ibunda, kekurangan pendedahan bertutur di rumah, persekitaran kawasan kediaman dan motivasi murid merupakan halangan dikenalpasti. Antara faktor-faktor ini, pengaruh bahasa ibunda penjadi halangan utama murid menguasai bahasa Cina. Melalui kajian bakal dilakukan, secara tidak langsung dapat mengenal pasti sama ada wujud atau sebaliknya pengaruh bahasa ibunda dalam penguasaan sebutan bahasa Cina dan bahasa Melayu seperti didakwa oleh Wong Ling Yann dan Lim Zu Ying (2011).

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan utama iaitu:

1. Apakah persamaan dan perbezaan sebutan konsonan, vokal serta nada bahasa Cina dan bahasa Melayu oleh murid bukan Cina di SJK(C) Cina Mun Choong Kuala Lumpur?
2. Apakah kesilapan yang dilakukan oleh murid bukan Cina di SJK(C) Mun Choong, Kuala Lumpur dalam penggunaan sebutan bahasa Cina dan bahasa Melayu?
3. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid bukan Cina di SJK(C) Mun Choong, Kuala Lumpur dalam penggunaan sebutan konsonan, vokal dan nada bahasa Cina serta bahasa Melayu?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Antara objektif yang telah dikenalpasti dalam kajian ini seperti berikut:

1. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam sebutan konsonan, vokal, nada bahasa Cina dan bahasa Melayu oleh murid bukan Cina di SJK(C) Mun Choong.
2. Menganalisis kesilapan sebutan konsonan, vokal dan nada bahasa Cina serta bahasa Melayu dilakukan oleh murid bukan Cina SJK(C) Mun Choong.
3. Merumuskan masalah dihadapi oleh murid bukan Cina di SJK(C) Mun Choong, dalam penggunaan sebutan konsonan, vokal dan nada bahasa Cina serta bahasa Melayu.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Mengikut Gu Hong Xing (2016) jumlah keseluruhan murid bukan Cina mengikuti pembelajaran di SJK(C) mencecah 50,000 ribu orang seluruh Malaysia. Sementara di SJK(C) Mun Choong keseluruhan murid bukan Cina menerima pendidikan adalah seramai 160 orang iaitu 8.75 peratus daripada keseluruhan pelajar. Situasi ini mula membimbangkan apabila majoriti murid bukan Cina tidak dapat menguasai bahasa Cina dan bahasa Melayu dengan baik dari sudut mendengar, membaca, bertutur, dan menulis. Sejajar daripada masalah yang dihadapi, satu kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti punca kemerosotan murid bukan Cina dalam penguasaan bahasa Cina dan bahasa Melayu.

Selain itu, melalui hasil kajian ini juga boleh mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid bukan Cina dalam penguasaan sebutan bahasa Cina dan Melayu terutama

sebutan konsonan, vokal serta nada. Pemindahan negatif dari segi sebutan bahasa ibunda merupakan salah satu faktor berlakunya kemerosotan penguasaan dalam bahasa Cina dan Melayu. Namun sejauh mana faktor ini berlaku tidak dapat dikenal pasti. Oleh demikian kajian penyebaran bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan cina bertepatan bagi mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

### 1.7 Skop Kajian

Kajian mengenai penyebaran bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Cina memberi tumpuan terhadap perbezaan penguasaan sebutan konsonan, vokal dan nada bahasa Cina dengan bahasa Melayu. Ironinya kegagalan murid dalam menguasai kedua-dua bahasa ini akan dianalisis daripada kesilapan penguasaan penggunaan sebutan konsonan, vokal dan nada. Selain itu, skop kajian ini juga akan merumuskan masalah yang menyebabkan kegagalan murid menguasai bahasa Cina dan bahasa Melayu dengan baik.

### 1.8 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk kajian iaitu “Penguasaan sebutan bahasa Cina dan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Cina”, pengkaji tesis ini mengemukakan definisi operasional seperti yang berikut:

**1.8.1 Sebutan bahasa Cina:** Sebutan bahasa Cina dibentuk oleh tiga elemen iaitu konsonan, vokal dan nada. Dalam sebutan bahasa Cina standard terdapat 21 konsonan, 37 vokal dan empat nada (Tang Zuofan, 2001, pp.17-19). Bahasa Cina merupakan satu bahasa yang membezakan makna nada. Nada dalam bahasa Cina mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu dapat membezakan maksud aksara yang mempunyai suku kata sama.

**1.8.2 Sebutan bahasa Melayu:** Sebutan bahasa Melayu mempunyai 26 huruf konsonan, 5 huruf vokal dan tiga diftong (Sulaiman Masri, Abdullah Yusof, Mohd Ra'in Shaari, 2006). Sebutan bahasa Melayu tidak mempunyai makna nada seperti sebutan bahasa Cina. Intonasi memainkan peranan penting dalam membezakan fungsi dan maksud emosi bagi ayat bahasa Melayu melalui turun naik nada suara apabila bertutur. Nada suara tinggi dan rendah yang berubah-ubah membawa maksud isi pertuturan serta emosi seseorang. Selain itu, intonasi bahasa Melayu juga memainkan peranan dalam tatabahasa bagi membezakan subjek dan prediket dalam sesebuah ayat (Mohamad Yusoff, 2006).

**1.8.3 Murid bukan Cina:** Istilah murid bukan Cina dalam kajian ini merujuk kepada murid bukan berkaum Cina yang terdiri daripada kaum Melayu, India dan lain-lain etnik yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Mun Choong, Kuala Lumpur.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan (2006). *Linguistik Am.* Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Arbak bin Othman (1989). *Mengajar Tatabahasa.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). *Susur galur bahasa Melayu* (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ausubel, D. P., Novak, J. D. & Hanesian, H. (1978). *Educational psychology: A cognitive view.* New York: Holt, Reinehart & Winston.
- Bryman, A. & Bell, E. (2007). *Review business research methods.* Oxford: Oxford University Press.
- Chew Fong Peng (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan muridCina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), pp.10-22.
- Chen Pei Shi (2013). *Kajian tentang nada bahasa Cina bagi murid Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ton Fah, Negeri Selangor.* (Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia).
- Chew Chin Chong, Soon Siew Cheng, Wong Huey Ling (2016). *Buku teks bahasa Cina tahun 1.* Sungai Buluh: The Malaya Press Sdn. Bhd.
- Crystal, D. (1986). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics.* New York: Basil Blackwell Inc.
- Dwi Hadi Mulyaningsih (2014). Perbandingan Fonologi Bahasa Indonesia dan Bahasa Mandarin. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 13 (1), pp.1-10.
- Ellis, R. (1985). *Understanding second language acquisition.* Oxford, New York: Oxford University Press.
- Feng Chuntian, Li Yan & Yang Shumin (eds.) (1995). *Wang Li yuyanxue Cidian* [王力语言学词典]. Jinan: Shandong educational Publisher.
- Fries, C.C. (1945). *Teaching and learning English as a foreign language.* Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Gao Liqun & Gao Xiaoli (2005). Butong muyu waiguo liuxuesheng hanyu yuyin yishi fazhan yanjiu (不同母语外国留学生汉语语音意识发展研究) [A study of foreign student's Chinese phonological awareness development]. *Journal os Yunnan NormanUniversity.* 3 (3), pp. 7-13.
- Gao Xiaoli (2004). Waiguo liuxuesheng hanyu yuyin yishi fazhan deduibian yanjiu (外国

- 留学生汉语语音意识发展的对比研究) [Kajian kontratif perkembangan kesedaran sebutan bahasa Cina pelajar antarabangsa]. *Overseas Chinese Education*. 4, pp. 25-32.
- Gu Hong Xing (2016). *Malaixiya huawen jiaoyu qingkuang* (马来西亚华文情况) [Keduaan pendidikan bahasa Cina di Malaysia]. *Nanyang Fengcai*. Dimuat turun daripada laman web Kedutaan Republik Negara China <http://my.chinaembassy.org/chn/zt/nycf/t314470.htm>
- Han Shuyin & Lü Guihua (2007). *Lue lun yingyu yu hanyu yuyin de xiangsixing* (略论汉语语音的相似性) [Perbincangan secara ringkas tentang persamaan sebutan bahasa Inggeris dan sebutan bahasa Cina]. *Journal of Lianyungang Technical College*, 20 (3), pp. 56-59.
- Hoo Sze Hooi (2013). *Pola nada bahasa Cina murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. (Disertasi Ijazah Sarjana Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar, Abdullah Hassan (ed.) (2006). *Fonetik Dan Fonologi*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar (2012). *Fonetik dan fonologi* (Edisi kedua). Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kang Mei Feng, Syahrina Ahmad & Jamal Rizal Razali (2017). Analissi kontrastif daripada aspek fonologi antara bahasa Jepun dan bahasa Mandarin dalam sebutan nombor. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurshi*, 1 (1), pp. 1-11.
- Khairul Faezi Mohd Said (2017 Feb 9). *Bahasa Melayu*. Dimuat turun dari:[https://www.academia.edu/11578657/BAHASA\\_MELAYU](https://www.academia.edu/11578657/BAHASA_MELAYU)
- Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Loo Shu Ching (2011). *Kajian masalah pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia membezakan empat nada bahasa Cina*. (Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia).
- Lü Hongyan (2012). *Yinni liuxueshen hanyu yuyin pianwu ji jiaoxue celue* (印尼留学生汉语语音偏误及教学策略) [Kesilapan sebutan bahasa Cina pelajar antarabangsa Indonesia dan strategi pengajaran dan pembelajaran]. *Literature Education*, 5, p.149.
- Mohd. Azidan bin Abdul Jabar (2004). Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab: Satu Analisis Ringkas. *Pertanika Journal Social Sciences*. 12 (2), pp.101-110.
- Mohamad. Yusoff (12 Julai, 2006). Sebutan dan intonasi. *Cetusan minda*.

Dimuat turun dari: <http://cetusanmindaku.blogspot.my/2006/07/bab-2-sebutan-dan-intonasi.html>

Ni Weiman & Lin Mingxian (2000). Guanyu yinni huayi xuesheng hanyu yuyin de diaocha ji xiangying de jiaoxue duice (关于印尼华裔学生汉语语音的调查及相应的教学对策) [Mengenai kajian sebutan bahasa Cina pelajar Cina Indonesia dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan]. *Journal of Huaqiao University (Philosophy & Social Science)*, 2, pp. 66-69.

Ni Yan & Wang Xiaokui (1992). Yinyu guojia xueshen xuexi hanyu yuyin nandian fenxi (英语国家学生学习汉语语音难点分析) [Analisis kesukaran dalam pembelajaran sebutan bahasa Cina pelajar dari negara-negara bahasa Inggeris]. *Hanyu Xuexi*, 2, pp. 47-49.

Norzila Nasir (2013, November). Vokal bahasa Melayu. In *Slideshare*. Dimuat turun dari: <http://www.slideshare.net/NorzilaNasir/vokal-bahasa-melayu>

Odlint, T. (1989). *Language transfer: cross-linguistic influence in language learning*. Cambridge, New York: Cambridge University Press.

Ouyang Guotai (2005). Yinni xuesheng hanyu yuyin jiaoxue nandian ji duice (印尼学生汉语语音教学难点及对策) [Kesukaran dan strategi pengajaran dan pembelajaran sebutan bahasa Cina pelajar Indonesia]. *Overseas Chinese Education*, 3, pp.9-12.

Paitoon M. Chaiyanara (2006). Pengenalan Fonetik dan Fonologi. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richards, J. C. (1992). *Longman Dictionary of language teaching and applied linguistics* (2 nd ed.). Essex, England: Longman.

Selinker, L (September, 1969). Interlanguage. This paper was presented at the Second International Congress of Applied Linguistics, Cambridge University, Cambridge, England.

Selinker, L (1972). *Interlanguage*. Berlin /New York: Walter de Gruyter.

Shaharina Mokhtar, Shahidi A. H. & Badrulzaman Abdul Hamid (2014). Analisis Frekuensi Asas ( $F_o$ ) Bunyi Vokal Bahasa Melayu: Pencerakinan Berasaskan Fonetik Akustik. *Jurnal Bahasa*, 14 (2), pp. 289-300.

Shahidi. A. H. dan Shirley Langgau (2014). Penelitian Akustik terhadap Aspek Sebutan Bahasa Melayu oleh Penutur Iban. Dimuat turun daripada: <http://www.ukm.edu.my/e-bangi/papers/2014/104-115%20Akustik.pdf>

Shi Yue (2015). Yinni liuxueshen hanyu yuyin xide pianwu fenxi (印尼留学生汉语语音习得偏误分析) [Analisis kesilapan dalam pembelajaran sebutan bahasa Cina pelajar antarabangsa Indonesia]. *Literature Education*, 7, p.134.

Siti Hajar Abdul Aziz (2011). Bahasa Melayu I (2 nd.ed.). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Sulaiman Masri, Abdullah Yusof & Mohd Ra'in Shaari (2006). *Bahasa Melayu dimensi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Tang Zuofan (2001). *Yinyunxue Jiaocheng* (音韵学教程) [Kursus Pengajaran Fonetik dan Fonologi] 2 edisi. Beijing: Beijing Daxue Chubanshe.

Wang Yan (2005). Xuesheng hanyu yuyin xuexi zhong de "fuqianyi" xianxiang jieshi (学生汉语语音学习中的“负迁移”现象解析) [Penjelasan dan analisis pemindahan negatif pelajar dalam mempelajari sebutan bahasa Cina]. *Journal of Yangzhou College of Education*, 23(2), pp.29-32.

Wang Yanyan (1997). Feilübin huayi xuesheng hanyu yuyin de diaocha yu fenxi (菲律宾华裔学生汉语语音的调查与分析) [Analisis dan kajian sebutan bahasa Cina Filipina]. *Chinese Teaching in the world*, 3, pp.101-105.

Wong Ling Yann (2011). Malai xuesheng langdu Hanyu danzi de shengdiao geju he qipianwu fenxi. (马来学生朗读汉语单字的声调格局和其偏误分析) [The citation form of Chinese characters pronounced by Malay learners and the analysis of tone errors]. Wong Ling Yann, Ang Lay Hoon & Khoo Kiak Uei (eds.), *New Trend and Scientific Implications in Chinese Linguistics Studies* (pp.1-9). Seri Kembangan: Cemerlang Publications Sdn. Bhd.

Wong Ling Yann & Lim Zu Ying (2011). "Hanyu yishi" yu hanyu zuowei waiyu de jiao he xue ("汉语意识"与汉语作为外语的教和学) ["Chinese language awareness" and teaching and learning Chinese language as a foreign language]. Wong Ling Yann, Ang Lay Hoon & Khoo Kiak Uei (eds.), *New Trend and Scientific Implications in Chinese Linguistics Studies* (pp.110-119). Seri Kembangan: Cemerlang Publications Sdn. Bhd.

Xu Baoliang (2005). Youguan ertong hanyu yuyin yishi fazhan de yanjiu ji qi qishi (有关儿童汉语语音意识发展的研究及启示) [Berkaitan dengan kajian perkembangan kesedaran sebutan bahasa Cina kanak-kanak dan implikasinya]. 12, pp.19-20.

Xu Fen, Dong Qi, Yang Jie & Wang Weixing (2004). Xiaoxue ertong hanyu yuyin yishi de fazhan (小学儿童汉语语音意识的发展) [The development of Chinese's Chinese phonological awareness]. *Psychological Science*, 27 (1), pp. 18-20.

Yang Jianhong (2015). Muyu wei yingyu de hanyu xuexizhe xide hanyu yuyin de piamwu fenxi ji jiaoxue duice (母语为英语的汉语学习者习得汉语语音的偏误分析及教学对策) [Analisis kesilapan dalam pembelajaran sebutan bahasa Cina pelajar yang daripada latar belakang bahasa Inggeris

sebagai bahasa ibunda dan strategi pengajaran dan pembelajaran]. *Language Planning*, 1, pp.19-20.

Ye Nan (2008). Dui wai hanyu yuyin pianwu yanjiu (对外汉语语音偏误研究) [Kajian kesilapan sebutan bahasa Cina sebagai bahasa kedua]. *Journal of Southwest University for Nationalities*, 206, pp.242- 245.

Zahanim Ahmad (2016). Pelaksanaan Literasi dan Numerasi di Sekolah Rendah. Dimuat turun dari: <http://conference.kuis.edu.my/recit2016/images/eproceeding/ZAHANIM.pdf>

